

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

40 Tahun Pelaksanaan Program Khas Bahasa Arab (PKBA) Sarawak di Universiti Malaya: Satu Analisis Retrospektif

40 Years of The Implementation of the Special Arabic Language Programme (SALP) Sarawak at Universiti Malaya: A Retrospective Analysis

Hafeezur Rahman Howell*, Abd. Aziz Rekan, Mohamad Azrien Mohamed Adnan***, Mohd Fauzi Hamat****& Muhammad Nasir Mohamad Salleh*******

| Article Information | ABSTRACT |
|--------------------------------|--|
| <i>Received:</i> 07.10.2024 | Program Khas Bahasa Arab (PKBA) Sarawak merupakan satu aspirasi yang lahir atas semangat membangunkan anak watan dengan ilmu agama yang mampan. Majlis Islam Sarawak (MIS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), kerajaan pusat dan Akademi Islam Universiti Malaya (kini dikenali sebagai Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) merupakan antara entiti penting yang membawa kepada tertubuhnya program ini. Umumnya, penubuhan PKBA Sarawak adalah berfokus kepada partisipasi anak watan Sarawak dalam mempelajari Bahasa Arab secara khusus selama setahun atau dua semester. Kemudian, pelajar lepasan program ini akan menyambung pengajian agama di peringkat Asasi sehingga ke peringkat Sarjana Muda. Alumni keluaran program ini akan kembali semula ke tanah air mereka untuk menyebar luas kefahaman Islam kepada masyarakat mengikut bidang dan kepakaran masing-masing. Justeru, dengan mengambil kira faktor usia program yang telah mencapai 40 tahun pelaksanaannya, maka objektif artikel ini adalah untuk menyorot faktor penubuhan dan pelaksanaan PKBA Sarawak di Universiti Malaya dengan menggunakan pendekatan analisis retrospektif. Pengalikasian pendekatan ini membantu dalam meninjau semula perjalanan dan faktor penubuhan PKBA Sarawak dengan menganalisis dokumen-dokumen rasmi yang berkaitan. Hasil artikel ini menunjukkan 40 tahun pelaksanaan PKBA Sarawak di Universiti Malaya telah melakar kejayaan menerusi alumninya yang sedang berkhidmat di Sarawak dalam pelbagai bidang agama. |
| <i>Accepted:</i> 13.12.2024 | |

Keywords: Program Khas Bahasa Arab (PKBA), Majlis Islam Sarawak (MIS), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Sarawak, Faktor Pelaksanaan

The Sarawak Special Arabic Language Program (PKBA) embodies an aspiration to empower local youth with enduring religious knowledge. The Sarawak Islamic Council (MIS), the Ministry of Higher Education (KPT), the federal government, and the Islamic Academy of the University of Malaya (now the Academy of Islamic Studies, University of Malaya) were pivotal in establishing this initiative. The program primarily aims to provide Sarawakian youth with focused Arabic language education over a period of one year or two semesters. Graduates then advance their studies in religion, beginning at the foundation level and progressing to bachelor's degrees. These alumni return to their communities to promote Islamic understanding within their areas of expertise. Marking 40 years since its inception, this article seeks to examine the factors driving the establishment and implementation of PKBA Sarawak at the University of Malaya through a retrospective analytical lens. This method facilitates a review of the program's journey by analyzing relevant official documents. The findings reveal that PKBA Sarawak has achieved remarkable success over four decades, evidenced by its alumni actively serving in various religious fields across Sarawak.

Keywords: Special Arabic Language Programme (SALP), Majlis Islam Sarawak (MIS), Academy of Islamic Studies Universiti Malaya (APIUM), Sarawak, Implementation factors

Citation Information: Howell, H. R., Rekan, A. A., Mohamed Adnan, M. A., Hamat, M. F., & Mohamad Salleh, M. N. (2024). 40 tahun pelaksanaan Program Khas Bahasa Arab (PKBA) Sarawak di Universiti Malaya: Satu analisis retrospektif. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 13-20.

*Master's Candidate at the Department of Islamic History, Civilization, and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: hafeezurrahmanhowell@gmail.com.

**Senior Lecturer at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: abdazirkn@um.edu.my.

***Language Lecturer at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: mdazrien@um.edu.my.

****Professor at the Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: mfhamat@um.edu.my.

*****Senior Lecturer at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: nasir1990@um.edu.my.

1. PENDAHULUAN

Pendidikan Islam dan nilai keagamaan merupakan teras penting yang menjadi asas pembangunan modal insan Islami dalam kalangan generasi muda hari ini, khususnya dalam agenda pembangunan remaja Islam di Sarawak. Melihat akan perkara ini, Majlis Islam Sarawak (MIS) yang ditubuhkan pada 1 Mei 1955 menjadi mercu tanda awal penglibatan secara langsung Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri Sarawak (Abdul Razak Abdul Kadir et al., 2023). Perkara ini menjurus kepada rantaian perancangan dan cadangan untuk meletakkan Islam pada status dan standardnya yang wajar. Salah satu usaha pengembangan Islam yang telah dan sedang giat dijalankan adalah dalam bidang pendidikan di seluruh negeri. Sekolah-sekolah agama pelbagai peringkat ditubuhkan dan tindakan-tindakan diselaraskan dengan keputusan dan bantuan daripada kerajaan pusat.

Pelbagai bantuan kewangan pendidikan telah disalurkan kepada anak watan Sarawak di peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi menerusi Tabung Baitulmal Sarawak. Bantuan kewangan ini membolehkan anak watan Sarawak melanjutkan pengajian ke luar negeri sama ada di Semenanjung Malaysia, timur tengah dan lain-lain negara dalam pelbagai bidang termasuk bidang pengajian Islam (Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, 2019). Universiti Malaya merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai kolaborasi tersendiri dengan pihak MIS dalam mempersiapkan anak watan Sarawak dengan pengetahuan berbahasa Arab serta ilmu agama menerusi pelaksanaan Program Khas Bahasa Arab (PKBA). Anak Sarawak yang berjaya menamatkan pengajian diharapkan dapat menabur bakti semula ke nusa tercinta terutamanya dalam penyebaran dakwah Islam.

Program Khas Bahasa Arab (PKBA) Sarawak ditubuhkan setelah kerajaan negeri melihat kurangnya bilangan pelajar tempatan yang diterima masuk ke program Asasi Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Lantaran itu, penubuhan program ini merupakan perancangan jangka panjang kerajaan negeri bagi menambah bilangan tenaga pakar khususnya dalam bidang Pendidikan Islam dan dakwah di negeri Sarawak. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pelajaran Malaysia pada 10 Mei 1984 telah bersetuju supaya Universiti Malaya mengadakan PKBA ketika itu bagi pelajar-pelajar Sarawak dan Sabah dengan dibiayai oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama kedua-dua kerajaan negeri (Mohd Muhiden Abd Rahman, 2023). Sejak sesi pertama pada 1983, program ini telah dikendalikan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Program yang dahulunya dijalankan oleh cawangan Pra Akademi Pengajian Islam di Nilam Puri Kelantan, kini berpindah ke Bachok, Kelantan dan dikenali sebagai Pusat Pendidikan Universiti Malaya.

Justeru itu, setelah menggunakan pendekatan analisis retrospektif bagi menyorot faktor pelaksanaan PKBA Sarawak di Universiti Malaya, para penulis mendapati tiga faktor utama penubuhan PKBA Sarawak iaitu (1) Penyebaran Agama Islam di Sarawak, (2) PKBA Sarawak sebagai suatu keperluan dan (3) kesediaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) terhadap pelaksanaan PKBA Sarawak.

2. PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI SARAWAK

Dikatakan terbitnya fajar Islam di Semenanjung Tanah Melayu bermula di Terengganu pada abad ke-10. Bukti yang menunjukkan bahawa Terengganu adalah wilayah pertama yang didatangi Islam adalah berdasarkan penemuan Batu Bersurat Terengganu di Kuala Berang yang bertarikh 1303 M (Syaimak Ismail et al., 2021). Kajian lain menambah bahawa kedatangan Islam di Tanah Melayu bermula semenjak Kerajaan Melayu Kedah pada abad ke-13 (Saimi Bujang et al., 2022). Kemuncak kegemilangan Islam pula bermula apabila dinukilkhan kisah Parameswara atau nama Islamnya Sultan Megat Iskandar Shah dengan si pelanduk, yang menjadi titik tolak menyuburnya Islam di bahagian pantai barat Tanah Melayu tersebut sehingga menjadi pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15 (Muhammad Isa Selamat et al., 2021). Pelabuhan terulung ini menjadi saksi kepada kedatangan pelbagai bangsa dari seluruh dunia yang datang dengan tujuan berdagang, pada masa yang sama turut menyebar kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat setempat. Kehadiran ulama yang berbangsa Arab ke Melaka menatijahkan proses pembumian Islam di kawasan berkenaan menjadi semakin pesat, sehingga memperkuuh sosioekonomi masyarakat dan membawa bahasa pertuturan Melayu menjadi Lingua Franca (Haryati Hassan et al., 2022). Sejarah ini secara tidak langsung menjadikan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam yang terulung di rantau Asia Tenggara, sekaligus menjadikan Islam sebagai agama anutan utama pada abad tersebut. Namun begitu, sinar Islam menemui era kemalapannya apabila Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis sekitar abad ke 15 (Abd Aziz 'Azmi & Farrah Wahida Mustafar, 2020).

Sebagaimana terbitnya sinar Islam di Semenanjung Tanah Melayu dengan garis sejarah yang gemilang pada zamannya, kepulauan Borneo juga mempunyai garis sejarah Islamnya yang tersendiri. Di Sarawak, meskipun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa tarikh sebenar kedatangan Islam ke negeri ini masih belum dapat dipastikan dengan jelas dan tepat (Azren Al-Aqib Mohamad Faizal & Mohd Fazri Ahmad, 2022), sebahagian kajian lain telah mengenal pasti bahawa kemasukan Islam ke Sarawak adalah kesan daripada pengaruh Kesultanan Brunei pada abad ke-14 (Siti Zubaidah Ismail & Norasiah Awang Haji Amai, 2023). Kesultanan Brunei merupakan sebuah empayar yang mempunyai pengaruh yang besar dan lama bertahan di rantau ini, melihat kepada kewujudannya berbanding dengan kerajaan-kerajaan lain yang terdapat di Borneo (Dg. Junaidah Awang Jambol et al., 2022). Sejarah juga turut menyaksikan keunikian pemerintahan Kerajaan Brunei dengan pengekalan sistem monarkinya yang

mampu bertahan lebih 10 abad dengan genealoginya yang tidak terputus (Dg. Junaidah Awang Jambol & Baszley Bee Basrah Bee, 2021).

Pada abad ke-15, kekuasaan Islam melalui pengaruh besar Kesultanan Brunei semakin tersebar apabila sultan-sultan Brunei seperti Paduka Seri Sultan Muhammad, Sultan Ahmad dan Sultan Ali Bilfaih berjaya melaksanakan syiar Islam di kawasan takluk mereka melalui penemuan tulisan pada Batu Tarsilah Brunei (Azren Al-Aqib Mohamad Faizal & Mohd Fazri Ahmad, 2022). Seterusnya, pada abad ke-16, legasi Kesultanan Brunei mencapai zaman kemuncaknya apabila tertubuhnya Kerajaan Melayu Islam di bawah pemerintahan Sultan Bolkian I pada tahun 1516 sehingga tahun 1521. Ironi kemunculan Kerajaan Islam di Borneo ini adalah selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka dalam abad yang sama sehingga dikatakan pentadbiran Kerajaan Melayu Islam di bawah pengaruh Brunei ini duduk sama rendah dan terbang sama tinggi dengan Kerajaan Melayu Melaka. Bahkan turut disamakan dengan pentadbiran Islam yang terdapat di Aceh (Dg. Junaidah Awang Jambol et al., 2022).

Seperti lumrah setelah tenggelamnya mentari, lalu terbitlah rembulan. Setelah memekar taman-taman bunga, lalu dengan perlahan meluruh kekuningan, seperti itulah yang terjadi dengan kegemilangan Kerajaan Melayu Islam di bawah panji kekuasaan Brunei apabila penjajahan kuasa Barat oleh keluarga Brooke mula menjengah pada abad ke-19. Kuasa Inggeris yang bertapak di Singapura tanpa berselindung memudahkan kemasukkan Brooke ke Sarawak menerusi kerjasama yang licik sehingga bayangan Barat itu berjaya menguasai keseluruhan wilayah yang pernah menjadi jajahan takluk Kerajaan Melayu Islam Brunei (Abdul Razak Abdul Kadir et al., 2023). Penguasaan yang bermula di kawasan Kuching (Kuching yang sekarang), sehingga akhirnya berjaya meluaskan pengaruhnya dengan membentuk Sarawak yang sekarang, hanya memakan masa selama 105 tahun dari 1841 sehingga 1946. Selama tempoh satu abad tersebut, perwarisan pengamalan Islam yang diturunkan dari Kerajaan Melayu Islam Brunei mengalami musim ributnya yang tersendiri, terutama apabila pentadbiran Brooke ini turut membuka peluang penyebaran dakyah kristian di rantau ini (Saimi Bujang et al., 2022).

Di awal pemerintahan keluarga Brooke sebagai Gabenor Sarawak, beliau dikehendaki untuk mengekalkan hukum kanun Islam dalam pemerintahannya, sebagaimana yang telah disemai oleh pemerintahan Kerajaan Melayu Islam Brunei sebelumnya. Namun begitu, tindakan Brooke tidak mencerminkan persetujuan yang disepakati, malah turut menggalakkan penyebaran agama Kristian dalam masyarakat. Tidak dinafikan Brooke berjaya membina institusi kehakiman khusus untuk urusan hal ehwal keluarga Islam (Abdul Razak Abdul Kadir et al., 2023), namun pentadbiran ini bersikap acuh tak acuh dengan meletakkan urusan agama tersebut ke atas orang Melayu Islam sepenuhnya, tanpa penglibatan mereka sebagai pemerintah (Abdul Razak Abdul Kadir, 2022). Bahkan jawatan dan gelaran pembesar Melayu seperti Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggong, Datu Hakim dan Datu Imam yang kononnya untuk mengekalkan kewajaran Islam dalam masyarakat hanyalah sekadar untuk menghambat hati masyarakat Islam sahaja (Azren Al-Aqib Mohamad Faizal & Mohd Fazri Ahmad, 2022). Salah seorang tokoh agamawan tempatan yang diangkat menjadi Datu Hakim, kemudiannya diangkat pula menjadi Datu Imam adalah Datuk Hakim Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Narudin (Nurul Azhar Ahmad et al., 2022).

Dalam konteks pengajian Islam, jalur pendidikan melalui sekolah-sekolah, madrasah-madrasah, surau dan masjid, dan seumpamanya menjadi pilihan untuk menyebarluas Islam pada masyarakat. Misalnya, Datuk Hakim Imam Haji Morshidi bin Abang Haji Narudin (Nuruddin) merupakan salah seorang agamawan tempatan yang menjadi perintis kepada idea penubuhan institusi pendidikan berkonsepkan madrasah (Najihah Abdul Mutalib & Ismar Liza Mahani Ismail, 2020). Madrasah al-Mursyidiyyah (sekarang dikenali dengan Madrasah al-Islamiah) dibangunkan oleh beliau pada tahun 1917. Penubuhan madrasah ini telah melahirkan ramai tokoh agamawan, bahkan kebanyakan mufti negeri menerima pendidikan agama yang formal melalui madrasah ini (Nurul Azhar Ahmad et al., 2022). Pengajian Islam melalui gerakan Islam tempatan seperti Madrasah al-Quran Bintulu, Institut Tahfiz Bintulu, Tadika al-Quran, Tadika HIKMAH dan sebagainya turut dibangunkan dalam usaha untuk terus memartabatkan Islam dalam diri masyarakat (Sophian Rambli et al., 2020).

Di samping itu, pemerkasaan Pendidikan Islam turut bergerak seiring dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Melayu seperti Sekolah Enche Buyong, Mecca School, Sekolah Datu, dan Sekolah Jawa yang dibina jauh lebih awal pada akhir abad ke-18 (Abdul Razak Abdul Kadir, 2022). Episod memartabatkan Islam melalui pendidikan terus diperkemas pada pasca penyertaan Sarawak bersama Semenanjung Tanah Melayu pada 1963 apabila institusi yang lebih sistematik diperkenalkan iaitu Sekolah Agama Kerajaan (wujud pada era 1970-an), Sekolah Agama Rakyat (sepenuh masa), serta Sekolah Agama Rakyat (sambilan). Penglibatan Majlis Islam Sarawak (MIS) secara tidak langsung dalam perkara ini turut membantu usaha penyebaran dan pengembangan Islam di seluruh negeri apabila terdapat bantuan kewangan secara khusus kepada pelajar tempatan yang belajar di pondok, madrasah, kolej, serta institusi pengajian tinggi melalui kutipan zakat di bawah kendalian Tabung Baitulmal Sarawak (Husnia Qasrina Abdul Arrahmannia et al., 2022). Keterlibatan MIS dalam membangunkan pendidikan keagamaan serta disokong dengan bantuan kewangan ini telah membawa kepada tercetusnya satu cadangan untuk mewujudkan kesinambungan antara pendidikan rendah dan menengah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Daripada cadangan ini, maka terlaksanalah satu program pendidikan peringkat tinggi yang khusus bagi membantu melahirkan lebih ramai anak tempatan dalam pengajian Islam, dalam usaha untuk menyebar luas dakwah Islam ke serata negeri. Program pendidikan tinggi tersebut dikenali sebagai Program Khas Bahasa Arab (PKBA).

3. PROGRAM KHAS BAHASA ARAB (PKBA) SARAWAK SEBAGAI SUATU KEPERLUAN

Setelah hampir 70 tahun Majlis Islam Sarawak (MIS) bertapak, yang kemudian turut membentuk Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) pada 1990 selaku penggerak polisi yang dirangka telah menatihahkan pelbagai rangkaian usaha antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat untuk memartabatkan Islam dalam kalangan masyarakat (Abdul Razak Abdul Kadir, 2022). Dalam konteks pembangunan pendidikan keagamaan dalam diri anak tempatan pula, pelbagai inisiatif sama ada berbentuk penyediaan fasiliti sehingga bantuan kewangan telah disusun kemas bagi memudahkan anak watan meneruskan usaha untuk mencapai pendidikan sehingga ke tahap yang tertinggi. Usaha serius MIS dan JAIS terhadap usaha pembumian nilai Islam dalam kalangan rakyat adalah rentetan status semasa yang menunjukkan bahawa Islam adalah agama minoriti di negeri ini kesan pemerintahan Dinasti Brooke yang memasukkan jarum-jarum kebaratan dan menyuntik dakyah Kristianisasi dalam diri masyarakat tempatan yang sememangnya mudah menerima ajaran bukan Islam kerana latar belakang kepercayaan animisme yang diamalkan oleh leluhur terdahulu (Sophian Rambli et al., 2020). Penaklukan Kerajaan Melayu Brunei yang pernah menyemai sinar Islam di negeri ini terkambus begitu sahaja apabila James Brooke memperkuuh legasi pemerintahannya selama 105 tahun (Saimi Bujang et al., 2022).

Penerapan nilai agama menerusi jalur pendidikan telah lama dipraktikkan di Sarawak, bahkan sebelum lahirnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri, apabila tertubuhnya Madrasah Al-Islamiah oleh Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Naruddin @ Nuruddin pada awal abad ke-20 (Nurul Azhar Ahmad et al., 2022). Usaha ini semakin rancak dengan penubuhan sekolah agama bantuan kerajaan negeri dan sekolah agama yang berpayung di bawah kelolaan kerajaan pusat menerusi Sekolah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Sehingga ke hari ini, MIS telah menubuhkan sebanyak sembilan buah Sekolah Kebangsaan Agama dan dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang berada di bawah pengawasannya (Majlis Islam Sarawak, 2024). Di samping itu, kerajaan pusat turut membantu usaha ini dengan penubuhan tujuh buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di seluruh negeri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024).

Peranan MIS dalam pembinaan generasi muda Islam tidak hanya terhenti di peringkat pendidikan rendah dan menengah sahaja. Satu program khas yang mempersiapkan generasi muda lepasan sekolah menengah ke peringkat persediaan ke institusi pengajian tinggi awam dibangunkan. Program tersebut adalah Program Khas Bahasa Arab (PKBA). Program ini adalah khusus untuk anak tempatan Sarawak atau Sabah yang lahir di negeri berkenaan. Menelusuri sorotan sejarah, penubuhan program ini adalah salah satu usaha MIS untuk melahirkan agamawan tempatan yang akan kembali semula untuk berkhidmat menyebarkan dakwah melalui jalur pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana keperluan terhadap kakitangan tempatan yang mempunyai latar belakang pengajian agama masih rendah ekoran kurangnya anak tempatan meneruskan pengajian dalam bidang agama. Akhirnya pada 10 Mei 1984, hasrat MIS menjadi kenyataan apabila mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu bersetuju untuk mewujudkan program ini dengan menjalin kerjasama antara Kementerian Pelajaran Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah dengan menjadikan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai badan pelaksana. Kumpulan pertama program ini mula menjalani pengajian pada sesi 1983/1984 selama setahun, atau dua semester (Mohd Muhiben Abd Rahman, 2023).

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah bagi mempersiapkan pelajar dengan ilmu agama dan ilmu Bahasa Arab sebelum diserap masuk ke peringkat Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya (Mohd Muhiben Abd Rahman, 2023). Pada peringkat awal pelaksanaan sehingga ambilan 2016/2017, produk PKBA yang selesai menamatkan pengajian di peringkat Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya akan terus diserap masuk ke Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam. Perkara ini sudah termaktub dalam persetujuan pihak yang terlibat dengan penubuhan PKBA ini, di mana satu kuota khusus bagi pelajar lepasan PKBA akan disediakan untuk meneruskan pengajian peringkat sarjana pertama di bawah Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Perkara ini adalah selari dengan objektif seterusnya iaitu bagi menampung keperluan guru-guru Pendidikan Islam di Sarawak. Menyentuh perihal kekurangan guru pula tidak akan pernah selesai, bahkan semua negeri seluruh Malaysia mengalami masalah yang sama. Di Sarawak sendiri khususnya, seramai 3006 orang kekosongan guru dilaporkan dan dijangka akan adanya pertambahan ekoran jumlah guru yang bakal bersara wajib turut meningkat (Norsyazwani Nasri, 2023). Lebih parah apabila guru Pendidikan Islam menduduki tangga teratas dalam lingkungan subjek kritikal kekurangan guru (Norsyazwani Nasri, 2023). Melihat kepada perkara ini, inisiatif yang terjalin antara MIS dan Universiti Malaya berada di landasan yang betul dalam usaha untuk merapatkan jurang kekurangan guru agama di Sarawak. Sehingga sesi 2016/2017, kuota pelajar PKBA Sarawak adalah seramai 15 orang.

Tidak dinafikan bahawa pelaksanaan PKBA ini membantu dalam menambah jumlah penggerak syiar Islam di Sarawak. Namun demikian, usaha ini dilihat masih bergerak perlahan dan tidak selari dengan tuntutan dan keperluan semasa. Sehingga pada ambilan 2017/2018, kuota pelajar yang mengikuti PKBA Sarawak ditambah lagi seramai 15 orang, menjadikan ambilan pada sesi tersebut seramai 30 orang berbanding sebelum ini. Pertambahan kuota ini secara tidak langsung memberi peluang kepada anak watan untuk mempersiapkan diri dengan sebarang kemungkinan yang mendatang kerana kuota bagi pelajar untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda dalam bidang Pendidikan Islam tidak tetap bergantung dengan kelulusan ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEDSI). Dalam erti kata lain, pelajar PKBA Sarawak pada sesi 2017/2018 agak

kompetitif untuk mendapat tempat di peringkat Sarjana Muda Pendidikan Islam. Separuh pelajar yang tidak meneruskan pengajian dalam program Sarjana Muda Pendidikan Islam diberi peluang untuk menceburi bidang agama yang lain sama ada bidang Syariah ataupun Usuluddin. Senario ini secara tidak langsung memberi peluang yang lebih luas kepada anak watan tempatan untuk memenuhi kekosongan di badan-badan agama negeri seperti di MIS, JAIS, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, ataupun di cawangan-cawangan MIS dan JAIS di seluruh bahagian di Sarawak.

Sehingga sesi 2023/2024, seramai 778 orang pelajar lepasan PKBA Sarawak telah direkodkan (Mohd Muhiben Abd Rahman, 2023). Daripada jumlah tersebut, sebahagiannya telah dan sedang berkhidmat di negeri tercinta, manakala sebahagiannya lagi sedang meneruskan pengajian mereka di peringkat Sarjana Muda (Mohd Muhiben Abd Rahman, 2023). Ini menunjukkan objektif penubuhan program ini telah tercapai dan usaha sama antara MIS, kerajaan negeri, KPT dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya akan terus berkembang. Namun begitu, dari segi kajian terperinci yang menyentuh perihal pelaksanaan, atau keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dilakukan. Perkara ini menyebabkan kayu ukur untuk menilai keberkesanan yang tuntas bagi program ini agak sukar untuk ditemukan, di samping rujukan yang terhad dan hanya bergantung kepada maklumat yang didapati di MIS dan pihak berautoriti di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sahaja.

4. KESEDIAAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM) TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM KHAS BAHASA ARAB (PKBA)

Selain institusi pendidikan di peringkat rendah dan menengah, institusi pengajian tinggi juga mempunyai peranan tersendiri dalam membumikkan kefahaman Islam yang mampan dalam diri penuntutnya. Melihat dari kaca mata institusi pengajian tinggi Islam pula, pembinaan dan pengukuhan ilmu agama dalam konteks akidah, syariah dan akhlak menerima pemberatan yang sangat besar dalam merealisasikan aspirasi pendidikan kebangsaan untuk melahirkan tokoh agamawan yang akan berkhidmat semula di tanah air. Sejak selepas kemerdekaan, usaha meneruskan rantaian pendidikan agama di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta (IPTS) semakin berkembang.

Salah sebuah IPTA tempatan yang berperanan besar dalam melahirkan ramai figura dan tokoh agamawan ternama tanah air adalah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM). Mufti Wilayah Persekutuan semasa iaitu Sahibus Samahah Profesor Madya Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah merupakan seorang figura agama yang lahir dari APIUM ini. Di Sarawak sendiri khususnya, Mufti semasa iaitu Datuk Haji Kipli Haji Yasin juga merupakan produk keluaran APIUM menerusi program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan kepujian (Kelas Pertama). Bahkan, beliau turut memperoleh Ijazah Sarjana Usuluddin di APIUM dalam bidang Pemikiran Islam. Oleh hal yang demikian, jalinan yang terbina antara APIUM dan Majlis Islam Sarawak melalui usahasama dalam Program Khas Bahasa Arab (PKBA) ini sememangnya memberi sinar yang signifikan terhadap pelaksanaan program ini.

Dalam coretan sejarah penubuhan Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Islam di bawah Fakulti Sastera terlebih dahulu lahir sebagai pemegang taruh kepada pengajian Islam pada 1957, dengan Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan ketika itu, dan Tun Payne, Pengarah Pelajaran berperanan sebagai perintis kepada penubuhan jabatan ini. Jabatan Pengajian Islam yang berpayung di bawah Fakulti Sastera, menjalankan ikatan dengan Kolej Islam sebagai pengurus pentadbir dan kewangannya (Abdullah @ Alwi Hassan, 1995). Jawatankuasa kepada tertubuhnya jabatan tersebut dipengerusi oleh Tun Abdul Razak, dan dianggotai oleh Tun Aziz bin Yeop yang merupakan anggota Kementerian Pelajaran ketika itu, Prof. A. Openheim selaku Naib Canselor Universiti Malaya, serta Prof. M. A. Rauf yang merupakan pengetua Kolej Islam. Hasrat penubuhan jabatan ini adalah untuk melahirkan siswazah yang dilengkapi dengan pengetahuan agama dan penguasaan bahasa Arab yang mantap menerusi pengajian buku-buku teks klasik, dan mengukuhkan siswazah dengan nilai keagamaan yang sewajarnya. Penggunaan kitab dan teks-teks Arab asli diketengahkan dalam pengajian di jabatan ini (Abdullah @ Alwi Hassan, 1995).

Berbeza pula dengan terbinanya Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) hari ini. Dalam rentetan sejarah, APIUM ini dikenali sebagai Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) yang berperanan besar dalam mempersiapkan pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi dengan ilmu agama menerusi kursus yang ditawarkan (Mohd Fauzi Hamat et al., 2007). Dahulunya, akademi ini adalah hasil daripada pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kelantan pada 1965. Cadangan mengambil alih yayasan tersebut menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya telah bermula pada 1975, dengan dasar pengambilalihan tersebut dipersetujui oleh Perdana Menteri ketika itu, iaitu Tun Abdul Razak. Setelah mencapai kata sepakat antara pihak Yayasan, Universiti Malaya, Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Negeri Kelantan, Yayasan Pengajian Tinggi Kelantan secara rasminya menjadi milik Universiti Malaya dengan penjenamaan semula sebagai Akademi Islam Universiti Malaya, dan dirasmikan oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Yang Berhormat Datuk Musa Hitam pada April 1981. Sesi pertama kemasukan pada 1981/1982, tiga kursus telah diperkenalkan iaitu Pra-Akademi Islam (kini dikenali sebagai Asasi Pengajian Islam), Sarjana Muda Syariah, dan Sarjana Muda Usuluddin. Sesi kedua kemasukan pelajar pada 1982/1983, satu kursus baru diperkenalkan iaitu Sarjana Muda Pendidikan Islam (Akademi Islam Universiti Malaya, 1982).

Selari dengan senario ini, hasrat MIS untuk menubuhkan satu program khas bagi menempatkan anak tempatan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang agama mendapat perhatian, apatah lagi apabila objektif kepada hasrat tersebut sangat dekat dengan tujuan penubuhan AIUM itu sendiri. Akhirnya pada Mei 1984, Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Yang Berhormat Datuk Musa Hitam bersetuju untuk menubuhkan satu program khas yang dikenali sebagai Program Khas Bahasa Arab (PKBA) bagi anak watan Sarawak dan Sabah, dengan pembiayaan ditanggung oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama kedua-dua kerajaan negeri pada ketika itu. Tahun ketiga penubuhan AIUM ini menyaksikan pertambahan kursus yang ditawarkan apabila PKBA secara rasminya menerima kumpulan pertama pelajar bagi sesi kemasukan 1983/1984. Kesungguhan dan kesediaan AIUM untuk membantu merealisasikan aspirasi MIS dalam usaha melahirkan modal insan islami diserahkan lagi apabila mesyuarat senat pada Julai 1984 bersetuju agar pelajar yang lulus program khas ini terus diterima masuk ke kursus Pra Akademi Islam (kini dikenali sebagai Asasi Pengajian Islam). Di peringkat pengajian Pra Akademi Islam ini, pelajar akan menjalani pengajian selama dua tahun atau empat semester (Akademi Islam Universiti Malaya, 1982). Tradisi ini terus berjalan sehingga ke hari ini, biarpun mengalami kelompongan pada sesi 2008/2009 selama tiga tahun, dan disambung semula pada sesi 2012/2013 sehingga ke hari ini atas sebab tertentu.

Bagi melahirkan modal insan yang bertepatan dengan hasrat penubuhan PKBA ini, sebanyak 10 kursus yang ditawarkan bagi kedua-dua semester pengajian. Antara kursus yang diambil oleh pelajar program ini pada Semester I adalah seperti berikut:

1. *Al-Āṣwāt wa al-Tajwīd I*
2. *Al-Istīmā' wa al-Kalām I*
3. *Al-Imlā' wa al-Inshā I*
4. *Al-Kitābah I*
5. *Al-Tharwah al-Lughāniyyah I*
6. *Al-Nāḥw I*
7. *Al-Ṣarf I*
8. *Al-Muṭāla'ah I*
9. Bahasa Inggeris I
10. Etika Pengajian

Berikut pula merupakan senarai kursus yang ditawarkan pada Semester II pengajian:

1. *Al-Āṣwāt wa al-Tajwīd II*
2. *Al-Istīmā' wa al-Kalām II*
3. *Al-Imlā' wa al-Inshā II*
4. *Al-Kitābah II*
5. *Al-Tharwah al-Lughāniyyah II*
6. *Al-Nāḥw II*
7. *Al-Ṣarf II*
8. *Al-Muṭāla'ah II*
9. Bahasa Inggeris II
10. Pendidikan Akhlak

Lapan kursus pertama bagi setiap semester yang disenaraikan adalah diajar sepenuhnya dalam bahasa Arab, kursus Bahasa Inggeris diajar dalam bahasa Inggeris, manakala Pendidikan Akhlak dan Etika Pengajian pula diajar dalam bahasa Melayu. Daripada senarai kursus pengajian yang ditawarkan ini, dapatlah dilihat bahawa pihak APIUM sememangnya memandang serius akan kemandirian pelajar PKBA. Kursus yang memberi penekanan kepada penguasaan asas Bahasa Arab ini secara tidak langsung memudahkan pelajar semasa meneruskan pengajian di peringkat asasi kemudiannya.

Penerapan Bahasa Arab secara membumi di peringkat ini mempersiapkan pelajar dengan ilmu asas bahasa yang wajar dan mencukupi sebelum diajar kepada murid-murid sekolah setelah mereka bergelar guru sebagaimana yang digariskan dalam objektif pelaksanaan program. Hal ini kerana Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, khususnya di sekolah agama. Pendedahan Bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi akan menyempurnakan lagi pengetahuan yang sedia ada, melihat kepada pelajar bagi PKBA juga merupakan alumni sekolah agama yang sememangnya mempunyai latar belakang Bahasa Arab secara asasnya. Latar belakang ini secara tidak langsung memudahkan lagi proses pembelajaran pelajar dalam mendalami bahasa asing ini di peringkat seterusnya (Nur Afifah Fadzil et al., 2022).

Di samping itu, penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berperanan sebagai pelengkap kepada usaha menyemai kecintaan kepada Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pengaplikasian Bahasa Arab dalam sesi pengajaran, pada masa yang sama turut melibatkan respon balas pelajar dengan menggunakan bahasa yang sama menatijahkan kualiti pembelajaran yang baik (Andi Kaswia Abdul Kadir & Zawawi Ismail, 2021). Senario ini secara tidak langsung memudahkan pelajar untuk berinteraksi secara aktif dengan menggunakan Bahasa Arab (Mohd Anuar Mamat, 2023).

Selain mengetengahkan kursus pengajian yang memperincikan asas-asas mendalam dalam Bahasa Arab, APIUM juga turut tidak melepaskan batuk di tangga dalam hal pembinaan akhlak dalam kalangan pelajar. Isu kebejatan akhlak dalam kalangan pelajar, terutamanya di peringkat institusi pengajian tinggi semakin membimbangkan dewasa ini. Sosial media masa kini seringkali memaparkan perilaku jelik pelajar yang dikatakan aset terpenting negara ini. Namun, hakikatnya punca kuasa permasalahan ini berpanjangan sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Ahmad Fadhir Mat Dahan et al., 2022). Melihat kepada perkara ini, maka peranan APIUM yang memasukkan kursus berkenaan pembinaan akhlak dalam senarai kursus pengajian PKBA merupakan satu langkah yang ampuh dalam memandu pelajar untuk memakai pakaian akhlak Islam yang sewajarnya, sebagaimana yang ditunjukkan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

5. PENUTUP

Pelaksanaan PKBA Sarawak yang melibatkan jalinan kerjasama antara Majlis Islam Sarawak, kerajaan negeri, Kementerian Pengajian Tinggi dan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dalam membangunkan pendidikan anak watan yang holistik dilihat sedang bertiti di atas landasan yang betul dan sewajarnya mengikut aliran objektif yang dirangka. Sehingga ke hari ini, kesemua alumni PKBA telah dan sedang bertebaran di bumi Darul Hana untuk menyebarkan syiar Islam dan dakwah, bertepatan dengan matlamat akhir penubuhan PKBA itu sendiri. Sebahagian besar daripada mereka menjadi guru Pendidikan Islam di sekolah rendah, menengah, dan sekolah swasta, selain turut memenuhi kerusi-kerusi di MIS, JAIS, atau cawangan-cawangannya di seluruh negeri. Sebahagian yang lainnya pula telah dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat Asasi Pengajian Islam di Pusat Pendidikan Universiti Malaya Bachok, dan Sarjana Muda di APIUM, kampus utama di Kuala Lumpur. Namun demikian, satu kajian khusus dan terperinci yang berfokuskan kepada kebolehpasaran alumni serta keberkesanannya program ini masih belum dijalankan sehingga ke hari ini. Oleh itu, satu kajian lanjutan dicadangkan untuk menjelaki para alumni PKBA Sarawak bagi mengenal pasti dengan tepat kerjaya yang disandang oleh mereka bagi menentukan sama ada objektif penubuhan PKBA yang ditetapkan tercapai atau sebaliknya.

Research and Publication Ethics Statement

For the purpose of this study, data has been gathered with each respondent's prior consent to provide feedback. No names or other personally identifiable information is gathered, so no identities are disclosed in this paper. Based on the information gathered and the defined study objectives, an objective analysis has been made.

Contribution rates of authors to the article

All authors contributed to the preparation of this paper.

Acknowledgement

The article is part of research funded by the Sarawak Islamic Council (MIS). Therefore, the author extends their appreciation and gratitude to MIS for their initiative in funding this research [GA015-2023].

Statement of interests

The authors declare that they have no conflict of interest.

REFERENCES

- Abd Aziz 'Azmi & Farrah Wahida Mustafar. (2020). Keruntuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menurut teori kitaran Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 7(2), 1-23. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/685/542#>
- Abdul Razak Abdul Kadir. (2022). Sinergi ulama dan umara dalam pembentukan Jabatan Agama Islam Sarawak 1955-1990. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 286-292. Majmuah Enterprise. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/271/160>
- Abdul Razak Abdul Kadir, Saimi Bujang, Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad, & Hadenan Towpek. (2023). Perkembangan institusi Islam di Sarawak sebelum pembentukan Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 1-14. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no1.1>
- Abdullah @ Alwi Hassan. (1995). Pendidikan Islam di Universiti Malaya 1959-1991. *Jurnal Usuluddin*, 1, 90-105. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/2914>
- Ahmad Fadhir Mat Dahan, Anas Mohamad Yunus, Asjad Mohammad, & Lokman Abdul Rasol. (2022). Punca permasalahan sosial dalam pergaulan menurut batasan syariat Islam di kalangan pelajar IPTS pantai timur Semenanjung Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 166-174. <https://academicinspired.com/jised/article/view/1394>
- Akademi Islam Universiti Malaya. (1982). *Buku panduan Akademi Islam Universiti Malaya (1982-1983)*. Akademi Islam Universiti Malaya.

- Andi Kaswia Abdul Kadir, & Zawawi Ismail. (2021). Amalan komunikasi verbal Guru Bahasa Arab dan hubungannya dengan sikap murid dalam pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 118-126. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.825>
- Azren Al-Aqib Mohamad Faizal, & Mohd Fazri Ahmad. (2022). Kemasukan Islam di Sarawak pada zaman pemerintahan Brooke. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 7(2), 31-40. https://journalarticle.ukm.my/21177/1/Alth_4.pdf
- Dg. Junaidah Awang Jambol, & Baszley Bee Basrah Bee. (2021). Perubahan tradisi penempatan masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara: Impak terhadap sosioekonomi (1881-1941). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 38-50. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1143>
- Dg. Junaidah Awang Jambol, Zulayti Zakaria, Ang Kean Hua, Lindah Roziani Jamru, & Zainuddin Baco. (2022). Pentadbiran wilayah jajahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara pada abad ke-16 hingga 19. *Jurnal Borneo Akhiloghia*, 7(1), 145-161. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4138>
- Haryati Hassan, Nor Hidayah Idrus, Nur Fadhilah Zainudin, Nur Athirah Zonol Abidin, & Nurul Jannah Mohd Noor. (2022). Kesultanan Melayu Melaka: Pengasasan dan pengukuhan. *International Journal of Social Science Research*, 4(2), 240-250. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/18720/9922>
- Husnia Qasrina Abdul Arrahmannia, Dayangku Nurfarhana Aleeza Awang Ramzi, Sofea Khairuniesa Sawal, Nur Iqmalniza Mahmut, Nur Athirah Rosli, & Aemy Aziz. (2022). Kadar agihan zakat dan program pembangunan pendidikan asnaf di Sarawak bagi tahun 2016 hingga tahun 2020: Satu sorotan kajian. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 275-281. Majmuah Enterprise. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/270>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024, December). Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). <https://www.moe.gov.my/sekolah-menengah-kebangsaan-agama-smka>
- Majlis Islam Sarawak. (2024, December). *Senarai sekolah Majlis Islam Sarawak*. Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak. http://www.bppmis.com/?page_id=17727
- Mohd Anuar Mamat. (2023). Adab guru dan murid dalam pendidikan menurut perspektif Syeikh Muhammad Khatib Langgien: Analisis terhadap kitab Dawa' al-Qulb min al-'Uyub. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 45-58. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no1.4>
- Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan, & Ab. Aziz Mohd Zin. (2007). *Pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam Malaysia*. Universiti Malaya Press.
- Mohd Muhiben Abd Rahman. (2023). *Sejarah 40 tahun Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri* (1st ed). Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok, Kelantan.
- Muhammad Isa Selamat, Khodijah Ishak, & Muhammad Fadhil Junery. (2021). Bengkalis sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan era Kesultanan Melayu. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(2), 40-51. https://doi.org/10.24191/jipsf%2Fv3n22021_40-51
- Najihah Abdul Mutualib, & Ismar Liza Mahani Ismail. (2020). Persepsi masyarakat tentang peranan ulama silam terhadap perkembangan Islam di Sarawak: Kajian di bahagian Bintulu. *Journal of Human Capital Development*, 13(2), 21-36. Retrieved from <https://jhcd.utm.edu.my/jhcd/article/view/6165>
- Norsyazwani Nasri. (2023, May 30). Sarawak masih hadapi masalah kekurangan guru. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972265/sarawak-masih-hadapi-masalah-kekurangan-guru>
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar, & Maryam Md Rofiee. (2022). Hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Utwan*, 7(2), 143-153. Retrieved from <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1193/959>
- Nurul Azhar Ahmad, Abdul Razak Abdul Kadir, & Siti Asmah Khalid. (2022). Madrasah Al-Islamiah Kuching, Sarawak: Satu kajian historikal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 201-212. Retrieved from <https://academicinspired.com/jised/article/view/1397>
- Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar. (2019). Analisis prestasi kecekapan agihan zakat: Kajian di Tabung Baitulmal Sarawak. *Labuan E-Journal of Muamalat And Society*, 13(1), 60-78. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/2546/1685>
- Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusuf, Fatimah Hamrie, & Wan Ariffin Wan Yon. (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak. *Journal of At-Tamaddun*, 17(2), 53-70. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.5>
- Siti Zubaidah Ismail, & Norasiah Awang Haji Amai. (2023). Dari keadilan raja kepada undang-undang agama: Perkembangan semasa Islam di Brunei. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 29-44. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no1.3>
- Sophian Ramli, Ali Fathullah Harun, & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2020). Madrasah al-Quran Bintulu: Sumbangan dan prospek terhadap pembangunan Islam di Sarawak. *The 1st International Conference on Education Management and Sharia Economics*, 1(1), 1-10. <https://prosiding.stainim.ac.id/index.php/prd/article/view/62>
- Syaimak Ismail, Muhammad Saiful Islam Ismail, Muhammad Anas Ibrahim, & Mohd Khairi Ismail. (2021). Kegemilangan Islam Melaka di bawah dua generasi pemerintah (1445-1477). *Jurnal Melayu*, 20(1), 65-78. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/47708>